

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 28

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil siasatan dan kajian lebih terperinci mengenai kes-kes murid yang mengambil tindakan bunuh diri. Adakah ia berkaitan dengan persekitaran persekolahan seperti peperiksaan, buli atau tekanan lain. Apakah langkah bagi memastikan kejadian sebegini tidak berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang berat terhadap isu kesihatan mental dan masalah kemurungan dalam kalangan murid sehingga menyebabkan berlakunya kes yang tidak diingini termasuk membunuh diri. Bagi setiap kes yang berlaku, KPM akan melaksanakan siasatan terperinci secara dalaman di samping menunggu laporan siasatan pihak polis. Antara faktor yang dikenal pasti menyebabkan berlakunya kes bunuh diri ialah kelemahan mental dan emosi akibat tekanan peperiksaan dan kerja sekolah serta pengaruh persekitaran termasuk media tonton.

KPM komited untuk mencegah kejadian bunuh diri dalam kalangan murid dan berusaha menjadikan sekolah sebagai tempat murid berasa gembira untuk menuntut ilmu, penuh dengan konsep kasih sayang dan saling menghormati. KPM secara berterusan menekankan Pelaksanaan

NO. SOALAN : 28

Amalan Guru Penyayang yang bertujuan memandu setiap guru membudayakan amalan sikap kasih sayang di sekolah. Amalan tersebut diterjemahkan dalam bentuk tindakan guru yang penyayang menerusi aktiviti di sekolah. Guru yang bertanggungjawab mestilah sentiasa memberikan nasihat kepada murid terutama murid yang menghadapi masalah, termasuk masalah emosi dan mental. Selain daripada itu, kurikulum di sekolah dapat memupuk perasaan penyayang dalam kalangan warga sekolah. Kurikulum sekolah turut menekankan nilai masyarakat melalui mata pelajaran Pengetahuan Moral, Pendidikan Islam dan pelaksanaan Manual Kesedaran Sivik Dan Amalan Nilai Murni di semua sekolah.

Selain itu, KPM juga sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kesejahteraan mental dan emosi murid. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling turut memberi fokus kepada Psikososial dan Kesejahteraan Mental dalam Pembangunan Sahsiah Diri Murid. Antara program yang dilaksanakan ialah Program Minda Sihat yang bertujuan mengenal pasti tahap stress murid dan meningkatkan daya tindak murid bagi menghadapi stress. Guru-guru Bimbingan dan Kaunseling juga mempunyai pelbagai kemahiran kaunseling dan kemahiran daya tindak menangani stress seperti Teknik relaksasi, Tangani stress, Kawal marah, Berfikiran positif dan Komunikasi berkesan

Sekian, terima kasih.